

MAJLIS BERBUKA PUASA PANGLIMA TENTERA UDARA BERSAMA WARGA PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

 airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3516-majlis-berbuka-puasa-panglima-tentera-udara-bersama-warga-pangkalan-udara-gong-kedak-2

GONG KEDAK, 3 Jun 18 - Panglima Tentera Udara (PTU), YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM dan rombongan ke Pangkalan Udara Gong Kedak bagi Majlis Berbuka Puasa bersama warga Pangkalan yang diadakan di Dewan Puteri malam tadi.

Terdahulu, Ketibaan YBhg PTU bersama rombongan di Pangkalan Udara Gong Kedak disambut oleh Komander Pangkalan, Brig Jen Dato' Suhaimi bin Hussain TUDM dan para Eksekutif Pangkalan.

Hadir sama isteri Panglima Tentera Udara, YAM Tengku Puteri Seri Teja Pahang Puan Sri Hjh Tengku Muhamaini binti Sultan Hj Ahmad Shah selaku Pengurus Jemaah Tertinggi BAKAT Udara (JTBU); Panglima Pendidikan dan Latihan Udara, Panglima Bantuan Udara serta Timbalan AKS P&P.

Dalam rangka majlis, YBhg PTU telah menyempurnakan penyerahan sumbangan kebajikan daripada Tabung Kebajikan TUDM dan Tabung Zakat ATM kepada anggota-anggota pangkalan yang layak. Manakala YAM Pengurus JTBU memberi sumbangan Hari Raya Aidilfitri golongan asnaf dan anak-anak yatim serta sumbangan kebajikan daripada Tabung BAKAT Udara kepada anggota pangkalan.

YBhg PTU dan rombonan juga turut menunaikan solat maghrib, Isyak, tarawih dan juga moreh sebelum berangkat pulang.





